

→ BISNES

Daibochi rancang beli pengeluar bungkus plastik

Daibochi Bhd bercadang untuk membeli pengeluar dan pencetak pembungkusan plastik, Mega Printing & Packaging Sdn Bhd (MPP) pada harga tunai RM125 juta.

Dalam kenyataan di Bursa Malaysia, syarikat itu berkata ia memeterai perjanjian jual dan beli untuk membeli seluruh 4.5 juta saham dalam MPP daripada Tan Chai Koon, Chong Choi Chun, Ng Yuk Ming, Proshin Enterprise Sdn Bhd (PESB), Phang Chak Thong, Ng Pey Ching serta Lee Chee Keong.

Katanya, pembelian dijangka dimuktamadkan pada suku ketiga 2019.

“Bagi membiayai pembelian ini, 20 peratus daripada pembelian atau RM25 juta akan dijana secara dalaman, manakala baki 80 peratus atau RM100 juta adalah daripada pinjaman bank,” katanya.

Daibochi berkata, rancangan pembelian itu akan membolehkan kumpulan berkembang dalam sektor pembungkusan plastik.

“Ini akan membolehkan kumpulan mengukuhkan penguasaan pasaran dan mengekalkan kelebihan daya saing dalam sektor pembungkusan plastik, selain memperluaskan asas pelanggan dan pembekal, di samping meningkatkan barisan produk,” katanya.

Ia menambah, sebaik saja pembelian selesai, kumpulan akan memperoleh akses kepada kemudahan pengeluaran MPP di Melaka.

Ini, katanya akan meningkatkan kapasiti pengeluaran kepada 1.01 bilion meter, berbanding 792.53 juta meter.

“Daibochi juga berupaya mendapat manfaat seperti rangkaian pelanggan dan pembekal lebih meluas, kumpulan sumber seperti kepakaran teknikal dan pandangan pasaran, pembelian bahan mentah secara pukal, selain meningkatkan kecekapan dan keberkesanan saluran pemasaran serta pengedaran,” katanya.